

SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MADANI





Lib
Foc



SETAHUN BERSAMA KERAJAAN MADANI




PUSTAKA PERDANA



1013464





Diterbitkan oleh:
Pejabat Perdana Menteri
Blok Utama, Bangunan Perdana
Putra, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62502 Putrajaya,
Malaysia

Hak cipta Terpelihara © 2023


Cetakan Pertama ... Disember 2023
ISBN 978-629-97348-1-9

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat apa jua pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pejabat Perdana Menteri, Putrajaya.

Reka bentuk dan cetak oleh:
Matang Cipta Bina Sdn Bhd

PRAKATA
Ketua Setiausaha Negara

	v
1 Perdana Menteri	1
2 Kementerian Kewangan (MOF)	11
3 Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)	15
4 Kementerian Perdagangan dan Komoditi (KPK)	19
5 Kementerian Pengangkutan (MOT)	25
6 Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)	31
7 Kementerian Ekonomi	39
8 Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)	47



Kandungan

9 Kementerian Pertahanan (MINDEF)

53



10 Kementerian Kerja Raya (KKR)

61

11 Kementerian Dalam Negeri (KDN)

67

12 Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)

73

13 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

77

14 Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

83

15 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)

89



16 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

93

17 JPM (Undang-Undang dan Reformasi Institusi)

99

18 Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC)

109

19 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

115

20 Kementerian Luar Negeri (KLN)

119



21 Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)

125

22 Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD)

133

23 Kementerian Pendidikan (KPM)

141

24 Kementerian Perpaduan Negara (KPN)

147

25 JPM (Hal Ehwal Agama)

157

26 Kementerian Belia dan Sukan (KBS)

161

27 Kementerian Sumber Manusia (KSM)

169

28 Kementerian Kesihatan (KKM)

173

29 JPM (Hal Ehwal Sabah, Sarawak dan Tugas-Tugas Khas)

179

Soal Jawab Bersama KSN

185



PRAKATA

KETUA SETIAUSAHA NEGARA



Assalamualaikum, salam perpaduan dan salam Malaysia MADANI.

Putaran ganas globalisasi dan kerencaman geopolitik, ketidaktentuan ekonomi dunia, dinamika fabrik sosial, kepantasan teknologi digital, serta perubahan iklim telah menandai cabaran baharu yang lebih besar buat negara. Alhamdulillah, Malaysia di bawah pentadbiran Kerajaan MADANI kini telah berada di trajektori yang tepat untuk muncul sebagai sebuah negara yang maju, berpendapatan tinggi, berasaskan ciri nilai kemampanan, kesejahteraan, keyakinan, ihsan, hormat dan daya cipta dalam kalangan rakyatnya.

Setelah setahun pentadbiran Kerajaan MADANI, aspirasi baharu yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri dan keseluruhan anggota Jemaah Menteri telah berjaya dibangunkan. Ini meliputi Agenda Malaysia MADANI, Kerangka Ekonomi MADANI, Kajian Separuh Penggal RMKe-12, Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, serta Belanjawan MADANI 2024.

Dalam hal ini, saya yakin dan percaya Kerajaan MADANI akan terus melaksanakan program-program pembangunan berorientasikan rakyat dalam skala dan capaian yang lebih meluas. Ini semestinya akan dilakukan dengan dukungan penuh oleh para penjawat awam, syarikat berkaitan kerajaan, badan bukan kerajaan, serta sektor swasta.

Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali

Ketua Setiausaha Negara

24 November 2023



1

Perdana Menteri

ANGKAT SUMPAAH JAWATAN PERDANA MENTERI



Selepas Parlimen tergantung selama lima hari pasca Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15), kemelut terungcai hasil kebijaksanaan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang menzahirkan titah memohon parti-parti politik mengeneipkan perbezaan untuk membentuk sebuah kerajaan perpaduan demi rakyat. Titah baginda dijunjung Pakatan Harapan (PH), Barisan Nasional (BN), Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan beberapa parti lain yang sepakat memberi kepercayaan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk diangkat sebagai Perdana Menteri.

Pada 24 November 2022, Anwar mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia serta Sumpah Simpan Rahsia sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-10, sekali gus membentuk Kerajaan MADANI.




MALAYSIA MADANI

Gagasan Malaysia MADANI diluncurkan pada 19 Januari 2023 sebagai sebuah kerangka visi baharu buat negara. Gagasan di bawah pentadbiran Kerajaan MADANI ini menjadi suatu ikhtiar nirmala yang bersepadu dan holistik, bertunjangkan dasar-dasar yang berorientasikan masa depan untuk mewujudkan sebuah

masyarakat yang madani, maju, terampil dan terangkum.



Malaysia **MADANI** mewakili enam rukun iaitu **M** (ke**M**ampanan), **A** (kesej**A**nteraan), **D** (**D**aya cipta), **A** (horm**A**t), **N** (keyaki**N**an) dan **I** (**I**hsan). Ia menjadi dasar utama bagi memperkukuh lapan keperluan iaitu ekonomi dan kewangan, perundangan, institusi, pendidikan, kemasyarakatan, kebudayaan, bandar dan luar bandar.

MESYUARAT KHAS KABINET PERTAMA



Dato' Seri Anwar Ibrahim mempengerusikan Mesyuarat Khas Kabinet pertama pada 5 Disember 2022 sejak mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri ke-10.

Matlamat yang Ingin Dicapai

 <p>Kedudukan antara 30 ekonomi terbesar dunia</p>	 <p>Tangga ke-12 teratas dunia dalam Daya Saing Global</p>	 <p>Tangga ke-25 teratas dunia dalam Indeks Pembangunan Manusia</p>	 <p>Meningkatkan bahagian pendapatan pekerja kepada 45%</p>
 <p>Tangga ke-25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah</p>	 <p>Ke arah kemampanan fiskal, sasaran defisit fiskal 3%, atau lebih rendah</p>	 <p>Kadar penyertaan tenaga buruh wanita mencapai 60%</p>	

EKONOMI MADANI: MEMPERKASA RAKYAT

Dato' Seri Anwar Ibrahim melancarkan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat pada 27 Julai 2023 sebagai kerangka baharu ekonomi Malaysia bagi mengangkat darjat dan martabat negara menerusi penstrukturan semula ekonomi negara.

Berteraskan dua tumpuan

utama, Ekonomi MADANI akan memperkukuh daya tahan ekonomi negara untuk mendepani pelbagai tantangan saat ini dan masa depan, sekali gus merealisasikan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia peneraju ekonomi Asia dan menjana limpahan hasil kepada rakyat.


EKONOMI & PELABURAN

Beberapa dasar utama dilancarkan untuk menstruktur semula ekonomi negara, antaranya Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP) 2030 dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas (KSP RMKe-12).



KSP RMKe-12

KSP RMKe-12 dilaksanakan untuk memperbaharui dasar sedia ada dengan mengambil kira isu dan cabaran besar yang berisiko menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara yang disasarkan. Bertunjangkan matlamat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam, KSP RMKe-12 dipacu tiga fokus utama iaitu memperkukuh kemampanan, membangunkan masyarakat sejahtera dan mencapai negara berpendapatan tinggi.



NETR

NETR adalah titik permulaan dalam usaha mengurusperdanakan peralihan tenaga dalam naratif pembangunan negara. Sebanyak 10 projek rintis dilaksanakan ketika fasa pertama NETR yang berpotensi menjana pelaburan berjumlah RM25 billion dan membuka 23,000 peluang pekerjaan bernilai tinggi. Dalam majlis pelancaran NETR fasa kedua pada 29 Ogos 2023, Dato' Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan RM2 billion sebagai dana awal bagi Fasiliti Peralihan Tenaga Negara.

NIMP 2030

NIMP 2030 merupakan projek yang akan memberi nafas baharu dalam merencana hala tuju perindustrian negara bagi pertumbuhan fasa ekonomi negara seterusnya selaras dengan persekitaran global yang kian mencabar. Pelan ini dijangka memerlukan jumlah pelaburan sebanyak RM95 bilion sepanjang tempoh tujuh tahun pelaksanaannya.

Dilancarkan pada 1 September 2023, NIMP 2030 antara lain menyasarkan untuk meningkatkan nilai tokokan pembuatan sebanyak 6.5 peratus kepada RM587.5 bilion menjelang 2030, pertumbuhan 2.3 peratus bagi pekerjaan dalam sektor pembuatan dan peningkatan 9.6 peratus bagi gaji penengah sektor pembuatan daripada RM1,976 kepada RM4,510.

